



# جابتن كواغن دان قربنداھاراءن نكرى ملاك

## JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara  
Kompleks Seri Negeri  
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh  
75450 MELAKA

Tel (ONCC) : 06-333 3333  
Faks : 06-231 6489  
Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

Ruj. Kami : JKPNMBP.400-4/3 Jld. III( )  
Tarikh : 2 Januari 2024

### SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YAA Datuk/SS Datuk Wira/YBhg. Datuk/YBr. Dr./Tuan/Puan,

### PEKELILING JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA BIL.1 TAHUN 2024 – TATACARA PENGURUSAN BAJET 2024 NEGERI MELAKA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.


2. Sukacita bersama-sama ini disertakan "**Pekeliling Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Melaka Bil. 1 Tahun 2024 - Tatacara Pengurusan Bajet 2024 Negeri Melaka**" untuk perhatian dan tindakan pihak YAA Datuk/SS Datuk Wira/YBhg. Datuk/YBr. Dr./Tuan/Puan. Pekeliling ini boleh juga dimuat turun melalui laman web Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri di alamat portal <https://jkpnm.melaka.gov.my>.

3. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh dipanjangkan kepada Unit Belanjawan dan Pinjaman di talian 06-2307586/489/529. Segala kerjasama dan perhatian YAA Datuk/SS Datuk Wira/YBhg. Datuk/YBr. Dr./Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"**  
**"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"**  
**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DATUK SALHAH BINTI SALLEH)**  
Pegawai Kewangan Negeri  
**MELAKA**

- s.k : i) YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Melaka
- ii) Pengarah  
Jabatan Audit Negara Cawangan Melaka
- iii) Fail Timbul



LAMPIRAN

**SENARAI EDARAN**

YB Setiausaha Kerajaan Negeri

**MELAKA**

(u.p: Timbalan Setiausaha Kerajaan (**Pengurusan**))

(u.p: Timbalan Setiausaha Kerajaan (**Pembangunan**))

(u.p: Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan (**Unit Dewan dan MMKN**))

Setiausaha Sulit Kanan

kepada YAB Ketua Menteri

**MELAKA**

Sahibus Samahah Mufti

Jabatan Mufti Negeri

**MELAKA**

Y.A.A Ketua Hakim Syarie

Mahkamah Syariah Negeri

**MELAKA**

Setiausaha Sulit

TYT Yang Dipertua Negeri

**MELAKA**

Pengarah

Jabatan Pertanian

**MELAKA**

Pengarah

Pejabat Tanah dan Galian

**MELAKA**

Pegawai Daerah

Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah

**MELAKA**

Pegawai Daerah

Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah

**MELAKA**

Pegawai Daerah  
Pejabat Daerah dan Tanah Jasin  
**MELAKA**

Pengarah  
Jabatan Pengairan dan Saliran  
**MELAKA**

Pengarah  
Jabatan Perhutanan Negeri  
**MELAKA**

Pengarah  
Jabatan Kerja Raya Negeri  
**MELAKA**

Pengarah  
Jabatan Agama Islam Negeri  
**MELAKA**

Pengarah  
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri  
**MELAKA**

Pengarah  
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri  
**MELAKA**

Pengarah  
Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa  
**MELAKA**

Pengarah  
Jabatan Pendakwaan Syariah  
**MELAKA**

## LAMPIRAN

### **SENARAI EDARAN DALAMAN**

1. Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
2. Bendahari Negeri
3. Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Bajet dan Pinjaman)
4. Pegawai Pelaburan Negeri
5. Ketua Penolong Bendahari Negeri
6. Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Khidmat Pengurusan)
7. Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Perolehan dan Pengurusan Aset)
8. Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Hasil)
9. Pegawai Tadbir (Pengurusan Kewangan dan Pemberian Dalam Negeri)
10. Pegawai Tadbir (Belanjawan dan Pinjaman)
11. Pegawai Tadbir (Pengurusan Amanah dan Pemantauan Audit)
12. Akauntan (Pelaburan)
13. Pegawai Teknologi Maklumat
14. Penolong Bendahari Negeri



**PEKELILING  
JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA  
BIL. 1 TAHUN 2024**

Semua Pegawai Pengawal,

**TATACARA PENGURUSAN BAJET 2024 NEGERI MELAKA**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penjelasan kepada semua Pegawai Pengawal di bawah Pentadbiran Awam Negeri Melaka berkaitan perkara-perkara penting yang perlu diberi perhatian dan diambil tindakan dalam mengurus bajet tahun 2024 di Jabatan masing-masing.

**ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS**

2. YAB Ketua Menteri Melaka telah meluluskan **Waran Am Bil. 1 Tahun 2024** bertarikh 30 November 2023 mengikut Subseksyen 13(2) dan 13(3), Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61), bagi pengeluaran wang sebanyak **RM479,549,283.00** daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan berikut:
  - 2.1 Sebanyak **RM14,840,113.00** di bawah Maksud Tanggungan; dan
  - 2.2. Sebanyak **RM464,709,170.00** di bawah Maksud Bekalan seperti yang telah diluluskan di bawah Enakmen Perbekalan 2024.

## PEKELILING JKPNM BIL. 1/2024: TATACARA PENGURUSAN BAJET 2024 NEGERI MELAKA

3. Pegawai Pengawal adalah dibenarkan untuk membuat perbelanjaan sepertimana yang diluluskan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2024. Semua Pegawai Pengawal adalah diminta untuk mengawasi setiap perbelanjaan supaya perbelanjaan mengurus bagi sesuatu perkhidmatan di bawah kawalannya, **tidak melebihi jumlah yang telah diluluskan** sebagaimana yang dinyatakan dalam Buku Bajet 2024 Negeri Melaka dan Waran Peruntukan yang dikeluarkan.

### ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

4. Kebenaran telah diberi melalui Waran Am Bil. 1 Tahun 2024 bertarikh 30 November 2023 mengikut Seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406), bagi pengeluaran wang berjumlah **RM85,000,000.00** daripada Kumpulan Wang Pembangunan yang dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan bagi setiap Butiran di bawah setiap Maksud yang dinyatakan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2024.
5. Pegawai Pengawal adalah dibenarkan membuat perbelanjaan seperti yang diluluskan dalam Anggaran itu, melainkan dari Butiran "Pinjaman" yang memerlukan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu sebelum wang pinjaman itu dikeluarkan.
6. Pegawai Pengawal adalah diingatkan bahawa jumlah yang ditanggungkan ke atas sesuatu Maksud dan Butiran tidak boleh melebihi jumlah yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2024. Jumlah perbelanjaan bagi setiap Maksud dan Butiran pada setiap masa tidak boleh melebihi jumlah anggaran harga projek dan siling Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) kecuali dengan kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri.
7. Pegawai Pengawal perlu merancang, meneliti dan memantau pelaksanaan setiap projek pembangunan dengan rapi mengikut waran yang diluluskan.

Pelaksanaan projek hendaklah mematuhi tatacara perolehan terkini sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan.

8. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka semasa Mesyuarat Penilaian *Key Performance Indicator* (KPI) 2023 dan Perancangan KPI 2024 Ketua-Ketua Jabatan juga telah menetapkan bahawa **mana-mana program/ projek pembangunan yang belum mula dilaksana pada bulan Mac 2024 boleh ditarik semula peruntukan yang telah diluluskan** untuk diagihkan untuk pelaksanaan program/ projek Pembangunan lain.

#### KUTIPAN HASIL

9. Pegawai Pengawal dan Pemungut bertanggungjawab dalam memantau serta memastikan prestasi kutipan hasil sepertimana yang telah dianggarkan bagi tahun semasa dapat dicapai pada tahap yang sewajarnya. Kutipan hasil ini akan digunakan sepenuhnya bagi menampung perbelanjaan Kerajaan Negeri seperti yang telah diperuntukkan di bawah Bajet 2024 Negeri Melaka. Ketirisan dalam kutipan hasil bakal memberi impak kewangan yang negatif memandangkan keupayaan perbelanjaan Kerajaan Negeri adalah bergantung kepada prestasi kutipan hasil tersebut.
10. Pegawai Pengawal dan Pemungut juga bertanggungjawab untuk memungut semua terimaan termasuk Akaun Belum Terima (ABT) selaras dengan Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia dari semasa ke semasa. ABT merangkumi tunggakan hasil, tunggakan bayaran balik pinjaman dan tunggakan hutang-hutang lain yang memerlukan kawalan, pemantauan dan tindakan bagi memastikan ABT dapat diselesaikan.
11. Amaun hutang atau hasil yang tertunggak mestilah dipungut sama ada melalui proses pentadbiran biasa atau melalui proses undang-undang. Pada amnya proses kutipan secara pentadbiran biasa tidak mempunyai sekatan masa. Selagi ada kemungkinan untuk mendapatkannya, pegawai-pegawai yang diberi

## PEKELILING JKPNM BIL. 1/2024: TATACARA PENGURUSAN BAJET 2024 NEGERI MELAKA

tanggungjawab hendaklah meneruskan usaha untuk memastikan individu atau syarikat membayar apa-apa hutang atau hasil yang tertunggak.

12. Amaun hutang atau tunggakan hasil yang tidak diambil tindakan sivil dalam masa enam (6) tahun dari tarikh hutang dikehendaki dibayar akan terhalang oleh sekatan masa di bawah Akta Had Masa 1953. Oleh itu, sebarang amaun hutang atau hasil yang telah melebihi enam (6) tahun atau tiada kemungkinan untuk didapatkan boleh dikemukakan untuk pertimbangan hapus kira dengan berpandukan peraturan dan pekeliling kewangan yang berkaitan. Pegawai Pengawal turut boleh mempertimbangkan untuk menyemak semula sekatan masa yang telah ditetapkan.
13. Sekiranya masih terdapat hutang-hutang yang tidak dapat dikutip walaupun setelah menggunakan segala kaedah yang ditetapkan, Pegawai Pengawal dan Pemungut disaran untuk menggunakan perkhidmatan ejen kutipan tunggakan hasil Kerajaan Negeri yang telah dilantik.

### **KAWALAN DAN PEMANTAUAN PRESTASI**

14. Pegawai Pengawal adalah diingatkan untuk memastikan setiap proses perolehan/ projek dilaksanakan secara teratur selaras dengan peraturan dan prodesur kewangan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa sepertimana surat edaran JKPNMPA.100-1/7/9 Jilid 1 (2) bertarikh 6 April 2023 berhubung Pemakaian Pekeliling Perbendaharaan (PP) Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023).
15. Pegawai Pengawal perlu memastikan semua inisiatif bajet 2024 yang diumumkan oleh YAB Ketua Menteri semasa pembentangan Bajet 2024 Negeri Melaka pada 27 November 2023 dilaksanakan segera secara cekap dan berkesan.



PEKELILING JKPNM BIL. 1/2024: TATACARA PENGURUSAN BAJET 2024 NEGERI MELAKA

16. Pegawai Pengawal hendaklah merancang dan mengagihkan peruntukan yang tepat kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing melalui Waran Peruntukan Kecil sebelum **19 Januari 2024 (Jumaat)**.
17. Pegawai Pengawal hendaklah **merancang dan mengagihkan peruntukan dengan tepat** bagi mengelakkan urusan pindah peruntukan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan mendesak yang tidak dapat dielakkan, permohonan hendaklah dilaksanakan dalam keadaan seperti berikut:
  - 17.1 Permohonan pindah aktiviti dan pindah peruntukan perbelanjaan mengurus hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri dengan justifikasi yang jelas dan kukuh;
  - 17.2 Pindah peruntukan dibenarkan bagi peruntukan di kalangan objek sebagai dengan objek sebagai yang lain di bawah kumpulan objek am dengan tidak melibatkan objek sebagai di bawah Objek Am Emolumen kecuali mempunyai justifikasi yang kukuh;
  - 17.3 Pindah peruntukan untuk menutup baki negatif hendaklah diselaraskan dalam tahun semasa; dan
  - 17.4 Permohonan pindah peruntukan bagi perbelanjaan pembangunan hendaklah dikemukakan ke Jabatan ini untuk pemprosesan bagi mendapatkan kelulusan daripada YAB Ketua Menteri Melaka terlebih dahulu.
18. Pegawai Pengawal boleh melaksanakan perolehan harta modal di bawah OS35000 jabatan masing-masing selaras dengan PB 2.2 – Pembelian Harta Modal, tertakluk kepada **peruntukan dan senarai aset yang telah diluluskan dalam bajet tahun 2024 sahaja**.
19. Semua **perolehan aset/ harta modal yang tidak diperuntukkan atau perolehan tambahan** yang menggunakan baki peruntukan **perlu mendapatkan kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri** terlebih dahulu.

PEKELILING JKPNM BIL. 1/2024: TATACARA PENGURUSAN BAJET 2024 NEGERI MELAKA

20. Perolehan aset/ harta modal yang telah diluluskan dalam bajet hendaklah diuruskan **selewat-lewatnya pada 30 September 2024.**

**PEMAKAIAN PEKELILING**

21. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 2 Januari 2024. Sebarang pengecualian daripada Pekeliling ini perlu mendapatkan kebenaran daripada Pegawai Kewangan Negeri.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"  
"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"  
"MALAYSIA MADANI"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK SALHAH BINTI SALLEH)  
Pegawai Kewangan Negeri  
**MELAKA**

2 Januari 2024

s.k. YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
**MELAKA**

Pengarah  
Jabatan Audit Negara  
**MELAKA**



فجابت كتوا منتري ملاك

PEJABAT KETUA MENTERI MELAKA


Aras 4 (Sulte), Blok Temenggong  
Kompleks Seri Negeri  
Hang Tuah Jaya  
75450 AYER KEROH  
MELAKA

Tel : +606-333 3333 (Am)  
+606-230 7201 / 7491 / 7204 (Terus)  
Faks : +606-232 8400 / 8330  
Portal Rasmi : www.melaka.gov.my

JKMM.PKMM.100-2/7/3 Jilid.190 (II )

30 November 2023

YB Datuk Salhah Binti Salleh  
Pegawai Kewangan  
Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka  
Aras 3 & 4, Blok Bentara,  
Seri Negeri, Hang Tuah Jaya,  
75450 Ayer Keroh,  
MELAKA



YB Datuk,

**WARAN AM BIL.1 TAHUN 2024 (SUBSEKSYEN 13 (2) DAN 13 (3) AKTA TATACARA KEWANGAN 1957 (AKTA 61) SERTA WARAN AM BIL 1 TAHUN 2024 (SEKSYEN 8 AKTA KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN 1966 (AKTA 406)**

Dengan hormatnya saya merujuk surat kepada minit bebas YB Datuk Bil.JKPNMBP.400-4/1/7JLD.XII, bertarikh 28 November 2023 mengenai perkara tersebut di atas.

2. Sukacita bersama-sama ini dikembalikan Waran Am Bil.1 Tahun 2024 (Subseksyen 13 (2) Dan 13 (3) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) Serta Waran Am Bil 1 Tahun 2024 (Seksyen 8 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406) yang telah diperakui oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf-Bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka untuk tindakan selanjutnya.

3. Sesungguhnya atas kerjasama YB Datuk dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului ucapan terima kasih jua.

Sekian.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"**  
**"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"**  
**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

( MOHD HARITH BIN RAHMAD )  
Setiausaha Sulit Kanan  
Kepada YAB Ketua Menteri  
Melaka

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA (PEJABAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI)	
<input type="checkbox"/> TPWN	<input type="checkbox"/> KPBN
<input type="checkbox"/> BEN	<input type="checkbox"/> A (AP)
<input checked="" type="checkbox"/> KPP (BP)	<input type="checkbox"/> PTA (W)
<input type="checkbox"/> KPF (AP)	<input type="checkbox"/> PTA (BP)
<input type="checkbox"/> PP (KP)	<input type="checkbox"/> PTA (A)
<input type="checkbox"/> PP (PA)	<input type="checkbox"/> PA
<input type="checkbox"/> PP (H)	<input type="checkbox"/> Lain-lain
<input type="checkbox"/> PTM	



01/12

9

YAB KETUA MENTERI,

**Kandungan (1) adalah Waran Am Bil. 1 Tahun 2024 (Subseksyen 13(2) dan 13(3) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61)) Serta Waran Am Bil. 1 Tahun 2024 (Seksyen 8 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406))**

Perkara di atas diangkat untuk pertimbangan YB Datuk Seri Utama.

Sekian, terima kasih.



**(DATUK SALHAH BINTI SALLEH)**

Pegawai Kewangan Negeri

Melaka

Tarikh : 28 November 2023



**JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA**

**MINIT BEBAS**

**KEPADA : YAB KETUA MENTERI MELAKA**  
**DARIPADA : YB PEGAWAI KEWANGAN NEGERI**  
**RUJUKAN : JKPNMBP.400-4/1/7 JLD.XII**  
**TARIKH : 28 NOVEMBER 2023**  
**PERKARA : WARAN AM BIL. 1 TAHUN 2024 (SUBSEKSYEN 13(2) DAN 13(3) AKTA TATACARA KEWANGAN 1957 (AKTA 61)) SERTA WARAN AM BIL. 1 TAHUN 2024 (SEKSYEN 8 AKTA KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN 1966 (AKTA 406))**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana YAB Datuk Seri Utama sedia maklum, Persidangan Dewan Undangan Negeri yang diadakan pada 27 hingga 30 November 2023 telah meluluskan sejumlah RM479,549,283.00 untuk perbelanjaan mengurus bagi tahun 2024. Daripada jumlah tersebut, RM14,840,113.00 diperuntukkan untuk perbelanjaan tanggungan dan RM464,709,170.00 untuk perbelanjaan perbekalan. Di samping itu, Dewan Undangan Negeri juga telah meluluskan sejumlah RM85,000,000.00 untuk perbelanjaan pembangunan bagi membiayai projek-projek pembangunan sepanjang tahun 2024.

3. Sehubungan dengan itu, dikemukakan Waran Am Bil. 1 Tahun 2024 (Subseksyen 13(2) dan 13(3) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61)) seperti di Lampiran A dan Waran Am Bil. 1 Tahun 2024 (Seksyen 8 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406)) seperti di Lampiran B untuk tandatangan YAB Datuk Seri Utama.


4. Perkara ini diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan YAB Datuk Seri Utama jua.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

  
.....  
(DATUK SALHAH BINTI SALLEH)

Diluluskan / ~~Tidak diluluskan~~

  
.....  
(DATUK SERI UTAMA AB RAUF BIN YUSOH)  
KETUA MENTERI MELAKA  
Tarikh: 30 November 2023

JKPNMBP.400-4/1/7 Jld XIII

**KERAJAAN NEGERI MELAKA**  
**WARAN AM BIL. 1 TAHUN 2024**  
**KEBENARAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 13(2) DAN 13(3)**  
**AKTA TATACARA KEWANGAN 1957 (AKTA 61)**

Bendahari Negeri,  
**MELAKA**

Menurut ceraiian (2) Seksyen 13, Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61), saya YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf Bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka, dengan ini membenarkan dan menghendaki tuan mengeluarkan dalam tahun 2024 daripada Kumpulan Wang Disatukan sejumlah wang ditentukan di bawah ini oleh sebab telah sampai masanya untuk membayarkan wang-wang tersebut kepada Maksud-Maksud Perbelanjaan Mengurus yang terkandung dalam jadual yang dikembarkan sebagai Anggaran Perbelanjaan Negeri bagi Tahun 2024 dan untuk kira-kiranya dalam Kira-Kira Hasil Yang Disatukan:-

- a) Sebanyak Ringgit Malaysia : **EMPAT BELAS JUTA LAPAN RATUS EMPAT PULUH RIBU SERATUS TIGA BELAS (RM14,840,113.00) SAHAJA** sebagai wang yang diperlukan untuk membayar perkhidmatan-perkhidmatan yang dikehendaki dibayar daripada Kumpulan Wang Disatukan.
- b) Sebanyak tidak melebihi Ringgit Malaysia : **EMPAT RATUS ENAM PULUH EMPAT JUTA TUJUH RATUS SEMBILAN RIBU SERATUS TUJUH PULUH (RM464,709,170.00) SAHAJA** sebagai wang yang dikehendaki untuk membayar perbelanjaan yang telah diperolehi oleh Enakmen Perbekalan 2024.

Dan dengan berbuat demikian kebenaran ini beserta dengan kira-kira yang betul, surat-surat akuan dan pembayaran-pembayaran yang ditentukan dalam Undang-Undang dan panduan-panduan tersebut hendaklah menjadi kebenaran yang sewajarnya dan diselesaikan.

Termaktub dengan tandatangan saya pada :




**KETUA MENTERI,  
MELAKA**

- s.k. 1. Pengarah Audit Negeri  
**MELAKA**
2. Fail Waran

**JADUAL MENGENAI**

**ANGGARAN PERBELANJAAN BAJET MENGENAI NEGERI MELAKA TAHUN 2024**

VOT	JABATAN	AMAUN
	PERBELANJAAN TANGGUNGAN	RM
T01	Peruntukan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri	1,076,178.00
T02	Speaker Dewan Undangan Negeri	1,098,310.00
T03	Bayaran Hutang Kerajaan Negeri	3,000,000.00
T04	Pampasan, Pencen dan Ganjaran	9,665,625.00
	<b>JUMLAH PERBELANJAAN TANGGUNGAN</b>	<b>14,840,113.00</b>
	PERBELANJAAN BEKALAN	
B01	Pejabat Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri	5,395,260.00
B02	Dewan Undangan Negeri	22,056,371.00
B03	Jabatan Ketua Menteri	72,108,881.00
B04	Jabatan Pertanian	6,453,485.00
B05	Pejabat Tanah dan Galian	10,574,187.00
B06	Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah	10,300,874.00
B07	Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah	9,551,966.00
B08	Pejabat Daerah dan Tanah Jasin	8,723,712.00
B09	Sumbangan Kepada Kumpulan Wang Berkanun	55,616,980.00
B10	Jabatan Pengairan dan Saliran	11,022,105.00
B11	Jabatan Perhutanan	2,874,747.00
B12	Jabatan Kerja Raya	29,187,091.00
B13	Jabatan Agama Islam	73,918,311.00
B14	Jabatan Kebajikan Masyarakat	20,553,775.00
B15	Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan	7,407,252.00
B16	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	3,511,818.00
B17	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	4,382,149.00
B18	Mahkamah Syariah	5,092,014.00
B19	Pejabat Mufti	3,321,384.00
B20	Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan	100,935,864.00
B21	Jabatan Pendakwaan Syariah	1,720,944.00
	<b>JUMLAH PERBELANJAAN BEKALAN</b>	<b>464,709,170.00</b>
	<b>JUMLAH PERBELANJAAN MENGENAI</b>	<b>479,549,283.00</b>



**KETUA MENTERI,  
MELAKA**

Bertarikh pada: 30/11/2023

**KERAJAAN NEGERI MELAKA**  
**WARAN AM BIL. 1 TAHUN 2024**  
**KEBENARAN DI BAWAH SEKSYEN 8**  
**AKTA KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN 1966 (AKTA 406)**

Bendahari Negeri,  
**MELAKA**

Menurut Seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan (Akta 406), dengan ini saya mengarahkan dan berkehendakkan tuan mengeluarkan dalam tahun 2024 wang-wang yang dikira dalam Kira-Kira Amanah Kumpulan Wang Pembangunan bagi Kumpulan Wang Yang Disatukan tidak lebih **Ringgit Malaysia : LAPAN PULUH LIMA JUTA (85,000,000.00) SAHAJA** dan untuk menambahkan wang-wang tersebut di bawah Maksud dan Tajuk Perbelanjaan yang terkandung dalam jadual yang berkembar sebagai Anggaran Pembangunan Tahun 2024 dan untuk membuat kira-kiranya Amanah Kumpulan Wang Pembangunan;

**DENGAN SYARAT** bahawa jumlah-jumlah yang dibayarkan kepada sebarang Maksud Pembangunan atau Butiran (Projek) di bawah kuasa Arahan ini tidak boleh melebihi jumlah-jumlah yang telah diperolehi untuk maksud Pembangunan atau Butiran (Projek) yang ditentukan dalam ruang (3), (4) dan (5) jadual tersebut;

**DAN DENGAN SYARAT LAGI** bahawa jumlah-jumlah yang dibayarkan pada sebarang masa kepada satu Maksud Pembangunan atau Butiran (Projek) apabila dijumlahkan tidak melebihi jumlah belanja yang telah dianggarkan sebagaimana yang ditunjukkan dalam ruangan (3) jadual tersebut;

**DAN** dengan berbuat demikian, kebenaran ini beserta dengan kira-kira yang betul, surat-surat akuan dan pembayaran-pembayaran yang ditentukan dalam Undang-Undang dan panduan-panduan tersebut hendaklah menjadi kebenaran yang sewajarnya dan diselesaikan.

Termaktub dengan tandatangan saya pada :



**KETUA MENTERI,  
MELAKA**


- s.k. 1. Pengarah Audit Negeri  
**MELAKA**
2. Fail Waran



**JADUAL PEMBANGUNAN**

**ANGGARAN PERBELANJAAN BAJET PEMBANGUNAN NEGERI MELAKA TAHUN 2024**

MAKSUD (1)	TAJUK (2)	LANGSUNG	PINJAMAN	JUMLAH
		RM (3)	RM (4)	RM (5)
P10	Jabatan Kerja Raya	12,600,000.00	0.00	12,600,000.00
P11	Jabatan Pengairan dan Saliran	10,600,000.00	0.00	10,600,000.00
P12	Jabatan Pertanian	2,000,000.00	0.00	2,000,000.00
P13	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	1,000,000.00	0.00	1,000,000.00
P16	Jabatan Ketua Menteri (Infrastruktur)	21,749,980.00	0.00	21,749,980.00
P18	Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan	0.00	20.00	20.00
P19	Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah	9,550,000.00	0.00	9,550,000.00
P20	Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah	5,350,000.00	0.0	5,350,000.00
P21	Pejabat Daerah dan Tanah Jasin	5,200,000.00	0.00	5,200,000.00
P22	Jabatan Agama Islam	11,950,000.00	0.00	11,950,000.00
P23	Pejabat Ketua Menteri	5,000,000.00	0.00	5,000,000.00
<b>JUMLAH</b>		<b>84,999,980.00</b>	<b>20.00</b>	<b>85,000,000.00</b>



**KETUA MENTERI,  
MELAKA**

Bertarikh pada: 30/11/2023.